

Peperiksaan PTK empat kali setahun

HM 29/6/06 ms. 24A

PUTRAJAYA: Hasrat kakitangan awam untuk mendapat kenaikan pangkat dan gaji dengan lebih cepat akan menjadi kenyataan berikutan keputusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menambah kekerapan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK).

JPA dalam satu kenyataan semalam menyebut, surat pekeliling sudah dikeluarkan meminta semua kementerian dan agensi kerajaan menambah kekerapan PTK sehingga empat kali setahun, berbanding sekali setahun sebelum ini.

Mengulas perkembangan itu, jurucakap JPA berkata, kakitangan kerajaan yang sudah lama tidak dinaikkan pangkat akan memperoleh manfaat itu.

"Mereka yang sudah lama tidak dinaikkan pangkat boleh mendapat kenaikan gaji lebih cepat selepas lulus PTK.

"Ini kerana keputusan PTK sepatutnya akan dikeluarkan dalam tempoh tiga bulan untuk membolehkan calon yang gagal, menduduki ujian berikutnya secepat mungkin," katanya dalam satu kenyataan di sini.